


VARIA



MANIPULASI maklumat dan informasi oleh pihak tertentu telah mencetuskan kekecohan di beberapa negara Asia Barat. — Gambar hiasan



GOLONGAN muda pada hari ini mudah terpedaya dengan penyebaran maklumat dan informasi melalui media sosial.
— Gambar hiasan

Sudut Pandang

Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN
Pakar Sosial dan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
Universiti Putra Malaysia



KITA sering mendengar ungkapan yang menyatakan bahawa generasi muda hari ini merupakan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa hadapan.

Bagi merealisasikan impian itu, generasi muda perlu memiliki kriteria yang diperlukan agar mereka mampu untuk meneruskan kemajuan dan kemakmuran negara yang dikehendaki selama ini.

Generasi muda ini dibaratkan sebagai tiang seri. Jika mereka kukuh dan hebat, maka akan kukuh dan cemerlanglah negara yang bakal dipimpin pada masa hadapan.

Begini juga sebaliknya, jika tiang seri ini rosak dan lemah, maka keadaan yang sama akan berlaku kepada negara ini.

Persoalan dan kebimbangan itu timbul apabila generasi muda ini masih tidak mampu untuk meyakinkan masyarakat bahawa mereka akan meneruskan kecemerlangan kepimpinan yang ada pada hari ini.

Antara faktor timbulnya

Generasi muda tiang seri negara

kebimbangan itu ialah sikap dan tingkah laku generasi muda yang begitu mudah percaya terhadap sebarang maklumat serta informasi yang disampaikan kepada mereka terutamanya melalui media sosial.

Justeru, pihak tidak bertanggungjawab akan mudah untuk memanipulasikan generasi muda ini bagi kepentingan diri dan agenda mereka dengan menyalurkan maklumat yang salah sehingga timbul rasa kebencian terhadap individu, negara atau kerajaan.

Jati diri

Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, dikhuatiri keamanan dan kemajuan yang dinikmati oleh masyarakat di negara ini akan terancam pada masa akan datang.

Senario itu mungkin berlaku kerana generasi muda yang seharusnya menjadi pemimpin pada masa hadapan tidak mempunyai kekuatan dan jati

diri yang kental kerana mereka mudah untuk dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Justeru, langkah dan tindakan proaktif perlu diambil oleh semua pihak terutamanya kerajaan agar segala kemakmuran dan kemajuan yang dikehendaki dapat diteruskan pada masa hadapan.

Antara langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan ialah memastikan generasi muda ini dibekalkan dengan maklumat yang tepat dan betul mengenai masyarakat serta negara ini. Ia boleh diberikan melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh agensi kerajaan bertauliah.

Dalam konteks ini, institusi pengajaran tinggi awam (IPTA) boleh memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat itu kerana majoriti generasi muda di negara ini berada di institusi pengajaran tinggi negara tersebut.

Bagi memastikan pelaksanaan itu dapat dijalankan dengan berkesan, kaedah merit perlu diaplikasikan. Melalui penggunaan kaedah ini, golongan muda akan lebih berminat untuk menghadiri program dan aktiviti yang dianjurkan.

Sistem merit merujuk kepada kaedah yang membentarkan generasi muda untuk menukar merit diperoleh daripada pelbagai program dan aktiviti yang dihadiri oleh mereka sepanjang tahun.

Generasi muda ini boleh menghadiri mana-mana program yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan

ataupun badan-badan yang diberi tauliah oleh kerajaan untuk menganjurkan program dan aktiviti tersebut.

Merit yang berjaya dikumpulkan itu boleh ditukar dengan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dan swasta seperti cukai perjalanan kendaraan, tiket penerbangan dan pakej percutian.

Kaedah sebegini secara tidak langsung akan menarik minat generasi muda untuk menghadiri program dan aktiviti yang dianjurkan.

Secara tidak langsung ia turut membantu hasrat kerajaan untuk menyalurkan maklumat dan informasi tepat kepada generasi muda.

Pelaksanaan kaedah merit perlu disegerakan agar usaha pihak yang tidak bertanggungjawab memanipulasikan generasi muda untuk kepentingan agenda mereka dapat dibendung.

Masyarakat sudah pasti tidak mahu melihat apa yang berlaku di Asia Barat hasil daripada manipulasi maklumat dan informasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan beberapa buah negara di sana dilanda kehancuran.

Sebelum nasi menjadi bubur, marilah kita bersama-sama memastikan generasi muda di negara ini bertindak di atas maklumat dan informasi yang tepat.

Saya yakin, sekiranya generasi muda ini disalurkan dengan maklumat yang tepat, mereka mampu menjadi tiang seri negara untuk hari ini, esok dan selama-lamanya.

INSTITUSI pengajaran tinggi perlu memainkan peranan dalam membentuk generasi muda. — Gambar hiasan

